


Maf'ul Bih Objek

Maf'ul bih (المفعول به) mempunyai perkaitan dengan kata kerja dalam bahasa Arab. Para sarjana linguistik Arab mendefinisikan maf'ul bih sebagai kata nama, iaitu objek bagi sesuatu perlakuan. Pada hakikatnya, elemen maf'ul bih ialah jawapan bagi soalan dengan andaian, iaitu "apakah" yang dikaitkan dengan "kata kerja" (apakah + kata kerja).

Contohnya, Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hashr ayat 2 (... يُخْرِتُونَ بُيُوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ...) yang bermaksud, "... mereka (golongan kafir) membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan sendiri ...". Ayat ini menceritakan perlakuan membinasakan (يُخْرِتُونَ) dalam kalangan golongan kafir.

Pada dasarnya, perlakuan ini ialah kata kerja transitif, iaitu perlakuan yang memerlukan elemen maf'ul bih. Maka itu, objek bagi perlakuan membinasakan tersebut ialah rumah-rumah (بُيُوت). Perkataan بُيُوت ini juga ialah jawapan bagi soalan dengan andaian, iaitu apakah yang mereka binasakan?

Selanjutnya adalah tentang pendekatan menentukan elemen maf'ul bih yang dipaparkan dalam rajah yang berikut:



Rajah Metode penentuan elemen maf'ul bih.

Secara asasnya, ada dua kaedah untuk menentukan elemen maf'ul bih. Pertama, elemen maf'ul bih bercirikan kata nama mansub dengan pelbagai tanda. Misalnya, ayat 9 Surah al-Hijr

(إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ) yang mempunyai perlakuan menurunkan (نَزَّلْنَا). Isim mansub dengan tanda fathah, iaitu الذِّكْرَ (al-Quran) ialah objek bagi perlakuan menurunkan tersebut.

Selain itu, ayat 6 Surah al-Fath (وَيُعَذِّبُ الْمُنَافِقِينَ) memperlihatkan adanya kata kerja يُعَذِّبُ (mengazab) yang maf'ul bihnya bercirikan isim mansub dengan tanda ya, iaitu الْمُنَافِقِينَ (golongan munafik). Sementara itu, ayat 7 Surah Hud (خَلَقَ السَّمَاوَاتِ) menyerlahkan perlakuan خَلَقَ (menciptakan) yang elemen objeknya berbentuk isim mansub dengan tanda kasrah, iaitu السَّمَاوَاتِ (langit-langit).

Hal ini menunjukkan bahawa pada kebiasaannya, elemen maf'ul bih datang dengan bentuk isim mansub. Namun begitu, sekiranya elemen objek dengan bentuk isim mansub tiada dalam suatu ayat, berkemungkinan maf'ul bih bercirikan damir yang melekat dengan fiil (DFMD). Contohnya, ayat 13 Surah al-Naml (فَلَمَّا جَاءَهُمْ آيَاتُنَا) yang damir هُمْ (mereka, iaitu Firaun dan kaumnya) melekat dengan fiil جَاءَتْ (datang), sekali gus berfungsi sebagai maf'ul bih. Begitu juga damir هُمَا (langit dan bumi) dalam ayat 30 Surah al-Anbiya' (كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا) yang melekat dengan kata kerja فَتَقْنَا (memisahkan) sekali gus mengisyaratkan kepada fungsi maf'ul bih.

Di samping itu, terdapat kata kerja Arab yang transitif kepada dua elemen maf'ul bih. Ayat 9 Surah al-An'am (لَجَعَلْنَا رِجَالًا) mengandungi perlakuan لَجَعَلْنَا (menjadikan) yang memerlukan dua maf'ul bih. Hal ini terbukti apabila ada dua bentuk elemen maf'ul bih, iaitu damir هُ (rasul) yang melekat dengan fiil لَجَعَلْنَا yang merupakan maf'ul bih pertama di samping isim mansub رِجَالًا (lelaki) yang bercirikan maf'ul bih kedua.

Oleh hal yang demikian, signifikannya pemahaman tentang elemen maf'ul bih memandangkan tinggi kekerapan penggunaannya dalam al-Quran di samping variasi bentuknya yang menyerlahkan keunggulan bahasa Arab. 071